

Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

1. “_____ mesti bekerjasama untuk menyelesaikan masalah yang sukar ini.” kata Ashraf kepada rakan-rakan dalam kumpulan mereka.
A Awak C Saya
B Kita D Kau
2. Pak Kasim _____ kesakitan kerana terpijak duri yang tajam.
A melaung C melalak
B menjerit D menengking

Soalan 3 – 4

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

3. I Golongan remaja gemar berfesyen mengikut aliran zaman.
II Kelas tambahan bagi aliran Sastera akan diadakan pada minggu hadapan di kelas Tingkatan 1 Baiduri.
III Aliran longkang itu tersumbat disebabkan banyak sampah dibuang ke dalamnya.
IV Aliran muda merupakan tiang negara dan harapan bangsa.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja
4. I Harith berasa mencabar oleh provokasi yang dilakukan oleh budak-budak nakal itu.
II Lagu yang dinyanyikan oleh penyanyi itu sungguh mencabar kebolehan vokalnya.
III Natasha mencabar Akmal supaya menyertai pertandingan catur yang akan diadakan di sekolah.
IV Para peserta pertandingan reka cipta tidak boleh mencabar keputusan hakim yang muktamad itu.

- A I dan II sahaja
- B III dan IV sahaja
- C I, II, dan III sahaja
- D II, III, dan IV sahaja

Soalan 5 – 6

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat yang berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B, atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

5. Kementerian Komunikasi dan Digital sedang memperhebatkan usaha memerangi jenayah penyebaran berita palsu melalui media sosial.
A memperhebatkan usaha peperangan
B memperhebat usaha memerangi
C memperhebat usaha peperangan
D memperhebatkan usaha memerangi
6. Setengah-setengah para murid yang berjaya dalam pelajaran sering membuat persediaan awal dengan mengulang kaji pelajaran dan mengadakan perbincangan secara berkumpulan.
A Setengah-setengah murid
B Setengah-tengah murid
C Setengah-tengah para murid
D Setengah-setengah para murid

Soalan 7 – 8

Pilih ayat-ayat yang betul.

7. I Suasana amat tenang sekali di pagi yang permai ini.
II Rumah-rumah di taman perumahan itu besar-besar.
III Penerangan tentang projek ternakan kambing itu terlalu ringkas.
IV Angin kencang bertiup dari arah selatan.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

8. I Kakak dihadiah seutas jam tangan oleh rakan baiknya.
II Kejadian pecah rumah yang berlaku di taman itu telah dilaporkan kepada pihak berkuasa.
III Kami duduk di ruang tamu sambil berbual mengenai aktiviti semasa cuti sekolah.
IV Semoga kebahagiaan yang kamu kecapai akan kekal hingga ke anak cucu.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

Soalan 9

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang **sama** atau maksud yang **paling hampir** dengan ayat yang dicetak tebal.

9. **Kepentingan utama menjaga kebersihan diri adalah supaya kesihatan fizikal dan mental terjamin.**
- A Kebersihan diri perkara yang paling diutamakan selain kesihatan fizikal dan mental.

- B Kesihatan fizikal dan mental hendaklah sentiasa dijaga seperti menjaga kebersihan diri.
C Untuk memperoleh kesihatan fizikal dan mental, kita hendaklah menjaga kebersihan diri.
D Faktor yang paling penting untuk menjamin kesihatan fizikal dan mental ialah penjagaan kebersihan diri.

Soalan 10

Pilih peribahasa yang **paling sesuai**.

10. Zamri dan adiknya tidak bertegur sapa selama setahun kerana berselisih faham. Akhirnya mereka berbaik-baik semula setelah dinasihati oleh ayah. Situasi ini dikatakan
- A biar titik jangan tumpah.
B alang-alang mandi biar basah.
C indah khabar daripada rupa.
D air dicencang tidak akan putus.